

25/07/2001

Tiga persatuan tetap bantah hasrat Karyawan

TIGA persatuan yang diberi taraf hak eksklusif Padu Citra bersetuju mengeluarkan kenyataan bersama yang meminta Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia (Finas) supaya tidak memasukkan Persatuan Karyawan Malaysia (Karyawan) dalam program itu.

Persatuan Sutradara Malaysia (FDAM), Persatuan Seniman Malaysia (Seniman) dan Persatuan Pekerja Filem Malaysia (PPFM) menyifatkan jika satu persatuan yang tidak khusus dalam sektor perfileman disertakan dalam Padu Citra, ia boleh memecah-belahkan perpaduan.

Alasan lain ialah Karyawan tidak mengkhusus kepada penggiat filem seperti persatuan sedia ada dan warga filem sudah mempunyai persatuannya mengikut bidang masing-masing.

Karyawan yang baru berusia setahun jagung itu juga tidak diberi mandat oleh warga filem secara keseluruhannya dan pada masa sama, Karyawan membuka keahlian untuk penggiat seni dalam segala bidang termasuk pelajar.

Padu Citra bertujuan membina profesionalisme industri perfileman dan memang wajar persatuan yang sudah diberi hak Padu Citra diperkukuhkan untuk memantapkan taraf profesional penggiatnya.

Pada sidang media bersama di Kuala Lumpur, baru-baru ini, tiga persatuan itu mengeluarkan kenyataan bersama: "Kami menentang sekeras-kerasnya sebarang usaha untuk memasukkan Karyawan ke dalam konsep pelaksanaan Padu Citra."

Ia dibaca bersama Presiden FDAM, Ahmad Ibrahim; Presiden Seniman, Abu Bakar Kasim dan Presiden PPFM, Syed Mohamed Hassan pada majlis yang turut diadakan taklimat mengenai pemantapan warga filem dalam menghadapi masa depan dan era globalisasi.

Majlis itu dipengerusikan pensyarah filem Universiti Malaya (UM), Mahadi J Murat. Turut hadir Presiden Majlis Karyawan Hiburan Tanah Air (Mahkota), A Rahman Hassan; Presiden Penulis Skrip Malaysia (Swam), Rosnani Jamil dan Presiden Persatuan Penyanyi Pemuzik dan Penulis Lagu Tanah Air (Papita), M Daud Wahid.

Ahmad Ibrahim menyifatkan jika Karyawan dimasukkan dalam Padu Citra, berlaku pertindihan keahlian kerana kebanyakan ahli Karyawan menyertai persatuan yang terbabit dalam Padu Citra.

"Semua persatuan seni dan perfileman perlu merancang kegiatan bersama untuk masa depan kita. Kita gelisah dengan keadaan Karyawan yang mahu dimasukkan dalam Padu Citra. Ini tidak wajar kerana komposisi Karyawan tidak mengizinkan," kata Ahmad.

Abu Bakar dalam ucapannya berkata, ada pihak cuba menyerang dan memusnahkan persatuan kesenian sedia ada sebagaimana sebelumnya Karyawan menyerang Malep, RIM, Papita dan PRISM.

"Kini giliran Seniman pula dan selepas ini mungkin PPFM, FDAM dan Swam. Mereka mendakwa banyak membuat kegiatan. Yang sudah banyak mereka buat ialah janji untuk itu dan ini. Rakan kita yang kecewa terpesona dengan janji itu.

"Di hati kecil saya berbisik, seakan-akan ada gerakan besar-besaran dan terancang berjalan dalam dunia hiburan tanah air. Ia sebagai agenda untuk kepentingan pihak tertentu.

"Soalnya, untuk siapa dan apa yang dilakukan gerakan ini? Siapa Si Kitul dan Raja Mendeliar dalam gerakan ini? Karyawan mewakili siapa dan bidang seni apa? Siapa memberi mandat kepada mereka mewakili bidang seni berkenaan?

"Bila masyarakat seni dan warga filem bersidang untuk melantik mereka sebagai wakil dalam cabang seni masing-masing?

"Karyawan tidak perlu mencari helah menggunakan ungkapan yang tidak enak didengar seperti diucapkan orang yang bergelar penasihat," kata Abu Bakar.

Syed Mohamed pula menyifatkan Padu Citra yang diberikan kepada PPFM, Seniman dan FDAM berasaskan susun atur mengikut kepentingan warga filem.

"Kita menolak kemasukan Karyawan dalam program Padu Citra. Kita harap kerajaan beri ruang supaya kita dapat membina profesional," katanya.

Difahamkan juga tiga persatuan itu akan menghantar memorandum mengenainya kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Menteri Penerangan, Tan Sri Khalil Yaacob.

(END)